

19 JUN 1998

Umno-Usul (ucapan)

ANGGOTA UMNO AKAN "JAGA" ANWAR UNTUK MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini diberi jaminan bahawa setiap kali semasa beliau berurusan di luar negara, anggota-anggota parti akan sentiasa "menjaga" timbalan presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perwakilan dari Terengganu, Datuk Abdul Rashid Ngah berkata Perdana Menteri tidak perlu bimbang untuk meninggalkan negara kerana UMNO ialah sebuah parti yang cukup kuat dan padu, dari peringkat atas hingga ke bawah.

"Datuk Seri Presiden tidak usah bimbang, berjalanlah ke luar negeri. Dalam ucapan waktu taklimat (kepada para perwakilan) baru-baru ini, beliau berasa bimbang untuk berjalan lagi...Saya minta maaf kerana menyebut rahsia persidangan, tetapi hingga kini ia menjadi rahsia umum," katanya ketika membentangkan usul ucapan dasar presiden di perhimpunan agung parti itu di PWTC di sini.

"Tinggallah kepada timbalan presiden untuk mentadbirkan parti dan tinggalkanlah kepada Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, anggota Majlis Tertinggi yang lain, saya dan saudari-saudari untuk menjaga timbalan presiden," katanya.

"Insya Allah orang kita ada di mana-mana, ada di Kuala Nerus, ada di Pulau dan ada di Cheruk To'kun (di kawasan Parlimen Anwar)," kata Abdul Rashid yang mewakili Terengganu.

Terdahulu, Abdul Rashid ketika membentangkan usul itu menyatakan sokongan penuh kepada langkah-langkah yang diambil oleh parti dan kerajaan dalam menangani masalah yang boleh membawa kesan negatif kepada rakyat serta berusaha mengembalikan keyakinan terhadap ekonomi negara.

Sokongan itu berasas kepada kesedaran bahawa usaha mengatasi kegawatan menuntut kesabaran dan pengorbanan melalui perancangan yang rapi dengan mengambilkira kepentingan seluruh rakyat, katanya.

Katanya, kejayaan tidak akan diperolehi tanpa kestabilan politik, semangat patriotisme dan muafakat bagi menghadapi ancaman dari luar dan dalam yang boleh menjejaskan struktur pemerintahan dan seterusnya mencetus ketegangan dan keresahan sosial.

Abdul Rashid berkata kepentingan peribadi dan sebarang rasa ghairah terhadap keuntungan jangka pendek harus diketepikan dan diketengahkan sikap jujur, yakin diri, amanah dan memegang teguh kepada perjuangan parti bagi menjamin survival bangsa dan negara.

Ketika menyokong usul itu wakil Johor, Ahmad Masian, berkata seluruh anggota UMNO terutama Pergerakan Pemuda dan Wanita harus merapatkan jurang dan mendukung kepimpinan untuk mengukuhkan parti dan kerajaan bagi menangani masalah ekonomi.

"Sekarang ini seluruh rakyat dan jentera parti perlu bersama-sama memikul tanggungjawab memastikan negara selamat daripada kesan buruk kegawatan ekonomi," katanya.

Sehubungan ini, beliau mencadangkan agar setiap buah daripada 17,645 cawangan UMNO mewujudkan sekurang-kurangnya seorang cedekiawan dan seorang usahawan setahun bagi membina semula ketahanan dan kekuatan bangsa Melayu.

Rancangan itu akan dapat menghasilkan sekurang-kurangnya 17,645 cendekiawan Melayu dan 17,645 usahawan Melayu setiap tahun.

"Daripada program satu produk satu kampung yang telah diilhamkan oleh presiden, kita juga boleh memulakan untuk membina sebuah kilang dan membangun seorang jutawan Melayu dalam satu bahagian setahun," katanya.

Ahmad berkata, tujuan cadangan itu adalah agar kekayaan dan kejayaan

tidak berlegar hanya di sesuatu tempat sahaja.

"Yang boleh ke universiti dan berjaya menjadi peniaga perlulah lebih ramai anak desa dan bukan kejayaan bertumpu secara tidak seimbang di kota-kota," katanya.

-- BERNAMA

AFY OBA